

# → MUKA SEPULUH

Minda  
Pengarang

## Tunggu laporan penuh siasatan tragedi Puchong

**D**ua kenyataan terbaru Menteri Perumahan dan Keajaian Tempatan, Zuraida Kamaruddin berhubung kerja menyelamat di air sejak kejadian yang me-rugut enam nyawa anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Puchong, baru-baru ini, terus melebarkan lagi banyak persoalan. Awal minggu lalu, beliau memberitahu kementeriannya akan mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) seperti kaedah 'rantalan manusia' yang digunakan anggota bomba ketika usaha menyelamat di kawasan air tidak dalam. Kemarin pula, Zuraida mendedahkan bahawa JBPM sebenarnya belum mempunyai SOP yang jelas dan tepat bagi operasi mencari dan menyelamat (SAR) membabitkan kawasan parit monsun. Ketika rakyat masih di-selubungi kesedihan susulan tragedi itu, kita amat mengalui alukan tindakan pantas kerajaan dalam menangani isu ini, terutama mengurus persepsi orang ramai mengenai SOP sebenar yang digunakan JBPM pada malam kejadian.

Tentunya, JBPM serta agensi lain yang terbabit dalam kerja menyelamat mempunyai panduan asas yang wajib dipatuhi tanpa sebarang kompromi. Kita yakin inilah juga SOP yang digunakan oleh enam anggota Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) yang maut ketika melakukan operasi mencari remaja yang lemas di Lombok Taman Putra Perdana, Puchong, 3 Oktober lalu. Sementara kita menyokong saranan Zuraida supaya kaedah rantalan manusia yang digunakan PDPA dikaji semula, ia mungkin hanya salah satu daripada puluhan elemen dalam panduan asas yang tidak praktikal mengikut tempat, keadaan dan masa kejadian. Kita sedar pasukan atau anggota yang ditugaskan adalah mereka yang bertauliah, berbekal teknik, teori dan ilmu kepakaran, selain pengalaman luas. Malah, mereka mempertaruhkan nyawa sendiri demi mengejar masa untuk menyelamatkan nyawa seseorang, selain memastikan sebarang tindakan mereka tidak pula mendatangkan bahaya kepada rakan sendiri. Namun, kenyataan Zuraida bahawa JBPM belum mempunyai SOP 'kuhuk' bagi kerja menyelamat membabitkan parit monsun, mungkin boleh mencetuskan keraguan orang awam terhadap keupayaan agensi menyelamat itu. Malah, timbul juga tanda tanya apakah kelemahan aspek perancangan dan penyediaan garis panduan tepat, turut mengundang bahaya kepada anggota bomba itu sendiri.

Justeru, adalah lebih baik semua pihak menunggu laporan penuh dua jawatankuasa siasatan yang ditubuhkan susulan kejadian seperti diumumkan oleh Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat JBPM, Datuk Abdul Wahab Mat Yasin. Meskipun tempoh sebulan ditetapkan kepada jawatankuasa pada peringkat pegawai dalam JBPM dan satu lagi di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah singkat, ia boleh merungkai banyak persoalan, khususnya keadaan sebenar pada hari kejadian. Sekurang-kurangnya dapatan siasatan ini menjadi penterset kepada usaha penambahbaikan yang menyeluruh dan merangkumi semua agensi kecemasan serta pengurusan bencana di negara ini.

### Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP  
**Dato' Yushaimi Yahaya**  
yushem@nst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP  
**Saldon Idris**  
saldon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Harian  
**Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081  
Laman Web: www.bharan.com.my E-mel: bhrencana@bh.com.my

# Pemansuhan Akta Hasutan perlu perkenan Raja-Raja



Prof Madya Dr  
Shamrahayu A Aziz

Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang Ahram Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Seksyen 3 Akta Hasutan juga menjadikan kesalahan kecenderungan hasutan bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong dan perbuatan mengembangkan perasaan niat jahat dan kebencian di antara kaum atau agama"

C adangan pemansuhan Akta Hasutan 1948 yang diperkatakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini dikhuatir mendatangkan kesan besar kepada beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan beberapa ciri utama Perlembagaan.

Cadangan pemansuhan ini hendaklah dibincangkan dengan serius dan dibawa kepada khalayak terbanyak kerana ini membabitkan Perkara 10(4) yang menjamin kedudukan beberapa isu sensitif seperti kewarganegaraan, keistimewaan Melayu dan Anak Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah komuniti lain, bahan Melayu dan kedaulatan Raja-Raja.

Penting juga untuk diperhatikan dengan teliti sama ada pemansuhan Akta Hasutan memerlukan perkenan Majlis Raja-Raja menurut Perkara 15(5).

Pihak yang menyokong pemansuhan Akta Hasutan mengaitkannya dengan asal usul dan tujuan awal akta ini. Akta Hasutan ini juga dikatakan sudah *archaic* atau ketinggalan zaman. Ia juga sekatan kepada kebebasan bersuarा.

Mereka juga berpendapat bahawa definisi kecenderungan menghasut terlalu luas sehingga membuka ruang untuk di-salah guna. Selain hujah di atas, kesalahan kecenderungan menghasut tidak perlu dibuktikan sebagai dilakukan dengan niat.

Umumnya, Akta Hasutan bertujuan mengekang perbuatan yang boleh melahir-

kan kecenderungan menghasut terhadap Institusi Beraja, hubungan di antara rakyat-raja di negeri dalam Persekutuan, hubungan antara kaum serta hal berkaitan kewarganegaraan, bahasa Melayu, keistimewaan orang Melayu dan kedaulatan Raja-Raja Melayu.

### Kecenderungan hasutan

Kecenderungan menghasut boleh dikatakan sebagai sehingga membenci, menghina atau membangkitkan perasaan tidak setia kepada raja.

Seksyen 3 Akta Hasutan juga menjadikan kesalahan kecenderungan hasutan bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong dan perbuatan mengembangkan perasaan niat jahat dan kebencian di antara kaum atau agama.

Dua perkara ini pada asalnya ialah kesalahan di bawah Kanun Keseksaan tetapi telah dimasukkan dalam Enakmen Hasutan pada FMS En.13/1939.

Akta Hasutan asalnya ialah Enakmen Hasutan 1939 yang dibuat bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Seterusnya ia diperkenalkan dalam Persekutuan Tanah Melayu semasa keadaan darurat pada 1948 sebagai Ordinan 14/1948. Selepas merdeka, Ordinan Hasutan itu sudah disemak semula, iaitu pada 1969 dan diwartakan sebagai Akta Hasutan (Akta 15).

Pada 10 Mac 1971, kesan tragedi 13 Mei 1969, Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk memasukkan Perkara 10(4) yang memperuntukan: "Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagianya atau ketenteraman awam di bawah Fasal 2(a), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III (Kewarganegaraan), Perkara 152 (Bahasa Melayu),

Lihat Ms.11